



Rujukan kami : JKSP.600 - 1/3/3 (3)

Tarikh : 03 Disember 2021
28 Rabiulakhir 1443H

Yang Arif Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
Semua Hakim Mahkamah Rendah Syariah
Pendaftar/ Semua Penolong Pendaftar

Yang Arif / Tuan/ Puan,

**PEKELILING KETUA PENDAFTAR BILANGAN 3 TAHUN 2021
PENGAUDITAN MENGEJUT KAD PERAKAM WAKTU**

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif Hakim Syarie, Tuan-Tuan Hakim, Pendaftar dan Penolong Pendaftar keputusan Muzakarah Pegawai-Pegawai Syariah Bilangan 2 Tahun 2021 pada 03 Disember 2021 telah bersetuju menggunakan Pengauditan Mengejut Kad Perakam Waktu dan garis panduan pelaksanaan tersebut seperti di **Lampiran**.

Arahan ini berkuat kuasa mulai 03 Disember 2021.

(HASNIAH BINTI HASSAN)
Ketua Pendaftar
Jabatan Kehakiman Syariah
Negeri Pulau Pinang

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN
PEKELILING KETUA PENDAFTAR BILANGAN 3 TAHUN 2021
PENGAUDITAN MENGEJUT KAD PERAKAM WAKTU**

Kertas ini merupakan garis panduan pelaksanaan Pekeliling Ketua Pendaftar Bilangan 3 Tahun 2021 yang berkaitan Pengauditan Mengejut Kad Perakam Waktu. Pekeliling ini hendaklah dilaksanakan sebagaimana berikut:

1. Pelaksanaan Arahan Pengauditan Mengejut Kad Perakam Waktu bagi Mahkamah/Unit hendaklah melalui arahan daripada Ketua Pendaftar.
2. Tempoh masa Pengauditan Mengejut perlulah dijalankan di semua Mahkamah/Unit secara berkala sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun.
3. Kaedah Pengauditan:
 - (a) memastikan kad perakam waktu ditandatangani oleh Ketua Bahagian/ Ketua Unit/Penyelia sekiranya pegawai tersebut lewat masuk/pulang awal/urusan rasmi/urusan peribadi mengikut waktu bekerja fleksi (WBF) pada hari yang sama atau hari berikutnya.
 - (b) memastikan Laporan Bulanan Kad Perakam Waktu dihantar kepada Unit Khidmat Pengurusan setiap awal bulan sebelum atau pada 10hb pada setiap bulan berikutnya mengikut format yang telah ditetapkan.
 - (c) Memastikan Laporan Bulanan Kad Perakam Waktu disediakan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan seperti di Lampiran B.3, Laporan Bulanan merujuk kepada Surat Pekeliling Am Bil. 11 Tahun 1981.
 - (d) Jika terdapat sebarang pelanggaran merujuk kepada Surat Pekeliling Am Bil. 11 Tahun 1981, suatu laporan pengauditan hendaklah diserahkan kepada Ketua Pendaftar untuk tindakan selanjutnya.